

PEKELILING PENTADBIRAN UTM KUALA LUMPUR BIL.3/2020

**PENGOPERASIAN UTM KUALA LUMPUR SEMASA PELAKSANAAN PERINTAH
KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BERKUAT KUASA MULAI
7 DISEMBER 2020 HINGGA 20 DISEMBER 2020**

Pemakluman oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) pada 5 Disember 2020 dan hebahan oleh pihak Hal Ehwal Korporat (HEK) bertarikh 6 Disember 2020 berkaitan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang telah berkuat kuasa di Kuala Lumpur dan Selangor bermula pada 7 Disember 2020 sehingga 20 Disember 2020 adalah dirujuk. Sebagai proses penyesuaian pelaksanaannya dalam konteks UTM Kuala Lumpur (UTMKL), pihak pengurusan UTMKL telah membuat ketetapan seperti yang berikut:

(1) Peratusan Staf Bekerja Dari Rumah (WFH)

- (a) Peratusan maksimum **staf Pengurusan Profesional dan Pelaksana (PPP), dan Pentadbir Akademik** bekerja dari rumah (WFH) adalah seperti yang berikut:

Tarikh	Peratusan
7 - 11 Disember 2020	50%
14 Disember 2020 dan seterusnya	Tertakluk kepada arahan semasa

Manakala bagi **staf akademik adalah diberi pilihan untuk bekerja dari rumah (WFH)** atau pejabat, yang mana lebih kondusif;

- (b) Staf yang **berkeperluan untuk WFH perlulah memohon** mengikut panduan sebagaimana hebahan terkini melalui pautan my.utm.my atau aplikasi UTMSmart serta merekodkan kehadiran menggunakan kaedah GPS *Check In/Out*;
- (c) Sekiranya terdapat keperluan yang mustahak bagi staf yang menetap di zon merah untuk hadir ke kampus, staf hendaklah:
- i. Sihat dan tidak bergejala;
 - ii. Melengkapkan Borang Deklarasi Kesihatan (HDF); dan
 - iii. Mengemukakan permohonan dan mendapat kelulusan pergerakan ke kampus melalui pautan my.utm.my atau aplikasi UTMSmart.
- (d) Walau bagaimanapun ketetapan ini tidak terpakai kepada staf kategori perkhidmatan perlu (*Essential Services*).

(2) Urusan berkaitan Pelajar

- (a) Kesemua aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) masih dilaksanakan **secara dalam talian sepenuhnya**;
- (b) Selain daripada urusan PdP, **pelajar perlu membuat temu janji serta mendapat kelulusan** daripada pihak Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang berkaitan. Pergerakan pelajar **terhad kepada urusan yang diluluskan sahaja**; dan
- (c) Proses keluar masuk pelajar ke kolej kediaman adalah tertakluk kepada peraturan semasa daripada pihak Hal Ehwal Pelajar (HEP).

(3) Kawalan Laluan Keluar Masuk Kampus dan Perkhidmatan Lain

- (a) Semua **Pintu Masuk UTMKL beroperasi seperti biasa** mengikut kategori. Sila rujuk Panduan Umum Masuk Kampus UTM Pasca PKP (<https://kl.utm.my/pendaftar/files/2020/12/Panduan-Umum-Masuk-Kampus-UTM-PASCA-PKP.pdf>);
- (b) Pengangkutan awam seperti **teksi dan perkhidmatan e-hailing dibenarkan masuk ke lokasi yang ditetapkan** sahaja;
- (c) Semua fasiliti utama kampus seperti masjid, perpustakaan, gimnasium dan fasiliti-fasiliti lain adalah **beroperasi secara terhad mengikut jenis perkhidmatan**; dan
- (d) Kontraktor dan pembekal adalah **dibenarkan masuk ke dalam kampus dengan kelulusan Ketua PTJ** yang berkaitan.

Semua warga UTMKL adalah sentiasa diingatkan untuk mematuhi semua SOP yang telah ditetapkan dan peka terhadap sebarang pemakluman rasmi Majlis Keselamatan Negara (MKN). Sama-sama kita putuskan rantai COVID-19.

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,



(PROF. DR. SHAMSUL BIN SAHIBUDDIN)

Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)

s.k. Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Pendaftar

Ketua Pentadbiran UTM Kuala Lumpur